

24 APR 2002

AGENDA KEAMANAN DAN KESTABILAN PM TIDAK HALANG DEMOKRASI

PUTRAJAYA, 24 April (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata agenda keamanan dan kestabilan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi MCA tidak akan menghalang proses demokrasi dalam parti.

Beliau berkata agenda itu sebenarnya bertujuan mengembalikan kestabilan, keamanan dan kerharmonian di kalangan puak-puak bertelagah dalam parti.

"Ia tidak akan menghalang demokrasi dan apa yang beliau mahu lakukan ialah mengembalikan persahabatan sesama kita dan jawatankuasa pusat (CC) telah menyokong rancangan itu," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet.

Beliau berkata, terdapat sedikit kekecewaan dan kemarahan di kalangan anggota parti berhubung keputusan semalam tetapi anggota parti mesti faham harapan Dr Mahathir bagi parti itu supaya bersatu dan mengembalikan kestabilan dan keharmonian.

Dr Ling, selepas mempengerusikan mesyuarat CC semalam mengumumkan yang CC dengan sebulat suara telah memutuskan untuk menerima agenda Dr Mahathir' bagi keamanan dan kestabilan dan bersetuju supaya tiada pertandingan diadakan bagi pemilihan peringkat bahagian, negeri dan kebangsaan, oleh itu mengekalkan barisan kepimpinan parti di semua peringkat sehingga pemilihan parti akan datang pada 2005.

-- BERNAMA
AT AKT JK PR